



29 JUN, 2022

## 50 penduduk Taman Sri Muda saman agensi Pusat

Berita Harian, Malaysia



Page 2 of 3

# 50 penduduk Taman Sri Muda saman agensi Pusat

**Tuntut ganti rugi khas RM3.8j kerana cuai, langgar tanggungjawab ketika banjir**

Oleh Norzamira Che Noh  
bhnews@bh.com.my

**Shah Alam:** Lima puluh penduduk Taman Sri Muda, dekat Seksyen 25, di sini, memfailkan saman terhadap beberapa agensi Kerajaan Pusat dan negeri kerana cuai dan melanggar tanggungjawab ketika bencana banjir buruk melanda kawasan itu, Disember tahun lalu.

Dalam saman itu, mereka menamakan Ketua Pengarah Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA); seorang Menteri di Jabatan Perdana Menteri; Menteri Alam Sekitar dan Air; Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia); Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS); Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA); KDEB Waste Management Sdn Bhd; **Tenaga Nasional Berhad (TNB)**; kerajaan Selangor dan Malaysia sebagai defendan.

Saman itu difailkan menerusi firma guaman Tanes, Khoo & Paulraj di Mahkamah Tinggi Shah Alam minggu lalu dengan plaintif menuntut ganti rugi khas berjumlah RM3.8 juta daripada defendan terbabit.

Jumlah berkenaan tidak termasuk ganti rugi am, ganti rugi teruk dan lain-lain kos.

Dalam pernyataan tuntutan, plaintif menyatakan beberapa tuntutan terhadap defendan antaranya deklarasi NADMA gagal melaksanakan pengurusan bencana alam dengan berkesan.

Menurut mereka, MetMalaysia pula gagal mengemas kini secara efektif dan tepat mengenai cuaca semasa yang melanda Taman Sri Muda sehingga mengakibatkan banjir; gagal dalam proses penyediaan laporan, analisis, membuat keputusan dan pengurusan data untuk memastikan penyaluran maklumat yang cepat dan tepat kepada

agensi-agensi respons.

MetMalaysia juga gagal dalam memberi amaran kepada plaintif-plaintif mengenai fenomena cuaca buruk yang membawa kepada banjir berkenaan.

Plaintif berkata, JPS secara salah membenarkan sistem perparitan Taman Sri Muda menjadi terlebih muatan; gagal memastikan pematuan syarat-syarat pengurusan air ribut sebelum memberikan kelulusan untuk projek pembangunan baharu di dalam atau sekitar kawasan itu; dan gagal memperbaiki serta menggantikan pam air yang rosak yang dipasang untuk memintas pintu pasang surut dan menolak air masuk ke dalam sungai Klang.

Menurut plaintif, MBSA pula gagal memastikan pembinaan saliran yang betul di Taman Sri Muda; gagal mengambil kira pertimbangan perancangan yang sewajarnya, pertimbangan pengurusan air ribut, pematuan serta pertimbangan kapasiti saliran sebelum meluluskan projek pembangunan dan gagal melaksanakan perlindungan secara proaktif dan bukannya reaktif berhubung Taman Sri Muda yang terkenal dengan kerentanannya terhadap banjir.

Plaintif berkata, KDEB Waste Management pula gagal membersihkan saliran Taman Sri Muda secara berkala dan gagal melaksanakan pelan tindakan untuk pembersihan sampah sekiranya berlaku banjir.

TNB juga gagal melaksanakan pengganti secara manual atau hidraulik untuk pintu air dan gagal menyediakan penjana mudah alih di tempat kejadian untuk mengambil kira sebarang isu yang berpotensi dengan belakan kuasa.

Peguam V Vemal Arasan memaklumkan, pengurusan kes berkenaan ditetapkan pada 25 Julai ini.

Ketika banjir besar melanda beberapa negeri, termasuk Selangor pada 18 Disember tahun lalu, dianggarkan puluhan ribu rakyat negeri ini menjadi mangsa dengan 30,632 orang daripada 4,672 keluarga ditempatkan di 203 Pusat Pemindahan Sementara (PPS).

Selain Taman Sri Muda, banjir turut melanda beberapa kawasan di Klang, Kuala Selangor; Kuala Langat serta Sepang.